

# Kerjasama rancak industri halal

**Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) menjalin kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech) bagi merencanakan pembangunan industri halal di negara ini.

Kerjasama USIM dengan HDC di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan TPM Biotech iaitu anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) penting dalam pembangunan teknologi industri halal.

Naib Canselor USIM Prof Dr Asma Ismail berkata, industri halal dapat mewujudkan peluang ekonomi lebih besar dengan pendekatan bersepadu tanpa sempadan.

"USIM berharap dapat merapatkan jurang pengetahuan halal dengan menyediakan saluran diperlukan organisasi dan sistem rangkaian bekalan produk serta perkhidmatan halal.

"IHRAM berperanan bukan sekadar untuk penyelidikan sebaliknya mampu menjadi pusat kecemerlangan kepada industri halal dunia," katanya dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di Dewan Canselori di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech Ahmad Husni Johari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HDC Hasni Zarina Mo-



**DR Asma Ismail (dua dari kanan) membuat pertukaran dokumen bersama Ahmad Husni (dua dari kiri).**

hamed Khan dan Pengarah IHRAM Dr Alina Abd Rahim.

Asma berkata, MoA itu diadakan bagi pembangunan modul Program Profesional Halal Analisis di bawah Program Pemindahan Ilmu (KTP).

Menurutnya, enam modul berkaitan pensijilan halal sudah dihasilkan untuk program latihan yang mensasarkan golongan bekerja dan mempunyai latar belakang syariah.

Katanya, pelatih akan didedahkan kepada perincian sains teknologi manakala pekerja kawalan kualiti dibimbing berkaitan aspek

syariah.

Beliau berkata, selain memberi kesedaran berkaitan konsep halal kepada masyarakat dan industri, program berkenaan turut berperanan menyalurkan pengetahuan melalui teori dan praktikal, pandangan syariah, prosedur samak, analisis makmal dan pelaksanaan audit.

"Melalui gabungan integrasi sains, sosial dan syariah di USIM selain kemudahan makmal dan peralatan di TPM, ia menjadi gabungan padu untuk membantu menyelesaikan isu halal haram di zaman teknologi kini," katanya.